

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**YBP 224 – PERHUBUNGAN AWAM**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jelaskan konsep dan elemen berikut. Berikan contoh yang relevan di mana perlu.
  - [a] Angkubah “situational theory”
  - [b] Penyelidikan evaluatif dan formatif
  - [c] Pemikiran strategik
  - [d] Media terkawal dan media tidak terkawal
  - [e] Preskriber pakar vs fasilitator penyelesaikan masalah
  - [f] Audit komunikasi
  - [g] Strategi tindakan
2. Pengarah sebuah agensi kebajikan telah meminta pendapat anda untuk menyelesaikan masalah agensi tersebut. Sokongan terhadap aktiviti organisasi semakin berkurangan kebelakangan ini. Manakala pungutan kempen kutipan derma semakin menurun. Lembaga Pengarah NGO ini mengambil keputusan untuk menutup agensi ini tahun depan melainkan sumber kewangan dapat dipertingkatkan.

- 2 -

Untuk menyelesaikan masalah ini, pengarahnya meminta anda membangunkan sebuah kempen yang berupaya menarik perhatian penderma dan penyumbang berpotensi.

Sebagai perunding perhubungan awam, bagaimanakah anda akan melakukannya melalui proses perhubungan awam.

3. Anda telah memohon jawatan di sebuah syarikat kewangan yang telah lama bertapak di negara ini. Organisasi ini tidak ada bahagian perhubungan awamnya. Kini organisasi ini mempunyai banyak cawangan dan jumlah kakitangan telah bertambah. Pengerusi berpendapat mereka memerlukan seseorang menjalankan kerja-kerja perhubungan awam. Semasa ditemuduga pengerusi tersebut mahukan calon jawatan itu merancangkan promosi dan mengadakan majlis-majlis istimewa yang mampu menarik pelanggan, menulis berita-berita yang boleh disiarkan di media dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan untuk kakitangan.
  - [a] Adakah tanggungjawab yang digariskan oleh pengerusi itu menunjukkan beliau memahami bagaimana fungsi perhubungan awam boleh digunakan secara berkesan dalam organisasinya.
  - [b] Bincangkan tanggungjawab dan bidang tugas pengamal perhubungan awam berpandukan definisi perhubungan awam.

- ooo O ooo-